

# Nasi ayam ibu sukar dicari ganti

» **Sajian istimewa digemari sejak kecil jadi hidangan istimewa keluarga**

**Esaruddin** Abdul Rahman, Timbalan Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, masih tidak dapat melupakan detik empat hari sebelum ibunya, Zainon Sani, meninggalkan mereka buat selamalamanya, ibunya sempat menyediakan juadah nasi ayam kegemaran mereka sekeluarga.

"Itu adalah sajian terakhir arwah emak yang dijempit pencipta-Nya pada 2004. Sehingga kini saya masih terasa akan kelazatan dan keenakkan sajian berkenaan," katanya yang juga Setiausaha Agung Kelab Belia Graduan 1Malaysia.

Beliau yang kini sudah berumah tangga dan dikurniakan dua cahaya mata berusia tiga dan satu tahun berkata, tidak dinafikan sajian ibu adalah hidangan paling istimewa kerana juadah itu disaji dengan rasa penuh kasih sayang.

Sejak itu katanya, dia yang begitu aktif dengan kerja sukarelawan dan mempunyai firma kontraktor pembinaan sendiri, cuba mencari juadah berkenaan di semua tempat namun tidak menyamai apa yang pernah dinikmatinya bersama dua lagi adik beradiknya.

Anak sulung yang juga graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), semakin aktif berkongsi pendapat dan pandangannya mengenai isu semasa dan sering memenuhi undangan bual bicara di beberapa stesen televisyen tempatan.

Memiliki firma binaan sendiri yang dikongsi bersama rakan ketika menuntut di UPM, Esaruddin pernah bekerja makan gaji tetapi hanya seketika. Baginya untuk menjayakan lebih banyak aktiviti kesukarelawan, dia tidak boleh bekerja makan gaji sebaliknya perlu

bekerja sendiri.

Keadaan ini memudahkannya membahagikan masa antara tugas mendapatkan projek dan menjalankan tugas sebagai pemimpin belia. Syukur Alhamdulillah, semua berjalan lancar dan rezeki sentiasa ada untuk saya meneruskan hidup dengan selesa dan dalam masa yang sama dapat menjayakan aktiviti kemasyarakatan.

Ikuti temubual **SELERA-KU** dengan Esaruddin minggu ini.

**S: Apakah makanan kegemaran anda?**

**J:** Seperti yang dinyatakan, nasi ayam adalah makanan kegemaran saya. Sejak kecil lagi sajian itu menjadi pilihan kami sekeluarga.

Sajian istimewa ini disiapkan oleh ibu dengan caranya tersendiri. Walaupun tidak ada apa-apa resipi istimewa, namun rasa dan keenakannya tidak boleh dilupakan. Malah saudara mara juga mengakui sajian nasi ayam ibu saya adalah yang terbaik.

Jika terlalu rindukan sajian itu dia akan meminta isterinya, Azila Aziz menyediakan juadah itu. Sebelum masak Azila akan meminta maaf terlebih dahulu kerana sajian itu tidak sama dengan apa yang dimasak arwah ibu mentuanya.

**S: Bolehkan anda memasak sajian berkenaan?**

**J:** Ohhh... saya memang tidak boleh memasak, memasak dilakukan isteri memandangkan dia tidak bekerja dan suri rumah sepenuh masa. Saya lebih suka mengambil masakan yang kurang berminyak. Ini penting supaya makanan yang diambil lebih seimbang dan tidak berlemak.

Sajian harian saya lebih kepada makanan yang direbus. Jika guna minyak sekali pun saya akan men-



gambilnya pada kuantiti yang sedikit hanya sekadar yang perlu. Fikiran saya terganggu apabila melihat makanan banyak minyak. Kesihatan perlu dijaga. Kurangkan masakan yang sedemikian.

Sibuk menguruskan urusan di pejabat dan aktiviti kebajikan menyebabkan saya kurang ada masa untuk beriadah. Dahlah kurang bersenam, kalau makan makanan berminyak takut naik berat badan dan serangan penyakit.

**S: Adakah anda begitu teliti ketika memilih bahan untuk dimasak?**

**J:** Walaupun tidak gemar memasak, namun semua bahan mentah saya akan cari dan sediakan sendiri. Boleh dikatakan dua kali seminggu saya akan ke pasar. Hampir 100 peratus daripada keperluan bahan makanan saya akan dapatkan di pasar borong.

Saya memilih Pasar Borong Selangor, selain lokasinya berhampiran rumah di Serdang Height, bahan-bahan seperti sayur-sayuran, ayam, daging dan ikan lebih segar dan harga yang ditawarkan juga berpatutan.

Semua bahan berkenaan saya akan simpan dengan sempurna di dalam bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam peti sejuk supaya kualitinya terjamin dan sentiasa segar sementara menunggu masa untuk dimasak.

**S: Apakah sajian menu Barat yang anda gemari?**

**J:** Saya makan semua jenis makanan, bagaimanapun bagi kategori makanan barat saya tidak ada pili-

han khusus untuk sajian itu. Memandang sekarang ini isteri saya banyak menerima tempahan biskut dan kek untuk hari raya, hampir setiap hari saya berpeluang menikmati makanan berkenaan.

Kami jarang menyediakan juadah daripada makanan barat jika hendak makan sesekali saya akan mendapatkannya di restoran.

**S: Apakah yang perkara yang anda tidak suka ketika menikmati juadah di luar?**

**J:** Memandangkan kerja saya tidak menentu. Menjalankan tugas-tugas sebagai kontraktor memerlukan saya lebih banyak keluar dan bertemu pelanggan. Pasti setiap pertemuan itu akan diakhiri dengan menikmati sajian di restoran. Keadaan ini memang tidak dapat dielakkan.

Ketika memesan makanan, saya akan pilih sajian biasa dan ringkas sekadar menemani pelanggan.

Setiap kali menerima undangan menjadi tetamu pada program bual bicara di stesen televisyen, biasanya sehari sebelum itu saya tidak akan mengambil makanan berat.

Saya khuatir jika banyak mengambil makanan berminyak atau berlemak, badan saya akan cepat letih. Keadaan lebih teruk jika jejak suara terutama ketika penggambaran berlangsung.

Rasa kurang selera jika sajian itu mengandungi bahan perasa. Daripada rasa, saya dapat kesan sama ada sajian itu mengandungi banyak bahan perisa atau sebaliknya.